

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2021(KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]** Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan tindakan yang telah dan akan dilakukan bagi mengatasi pemasaran hasil pertanian yang dikeluarkan oleh masyarakat luar bandar dan apakah bantuan yang boleh diberikan kepada golongan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain bantuan input pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga menyediakan pelbagai bantuan dan inisiatif untuk membantu para petani di kawasan luar bandar memasarkan hasil tanaman mereka.

Pertama, membangunkan Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) di bawah program Ladang Kontrak MAFI sebagai pusat pengumpulan hasil pertanian daripada petani di kawasan setempat. Melalui program ini, MAFI dapat membangunkan usahawan pemasar di samping menyediakan ruang pemasaran kepada pengeluar hasil pertanian. Sehingga kini, terdapat 190 PPL di seluruh negara dengan nilai kendalian sehingga 31 Oktober 2021 sebanyak RM31.40 juta.

Kedua, bantuan khidmat pemandanan perniagaan dengan outlet peruncitan usahawan pemasar bimbingan FAMA seperti Pasar Tani Kekal (PTK), Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) dan Agrobazaar Rakyat (ABR). Petani boleh menghubungi pejabat FAMA daerah terdekat bagi mendapatkan bantuan pemandanan perniagaan dengan usahawan pemasar yang berhampiran. Sehingga 31 Oktober 2021, terdapat 31 Pasar Tani Kekal, 326 Agrobazaar Kedai Rakyat dan 166 Agrobazaar Rakyat di seluruh Malaysia. Selain pemasaran di outlet fizikal, MAFI turut menggalakkan para petani untuk memasarkan hasil pertanian menggunakan platform e-dagang Agrobazaar Online (ABO). Petani yang berminat untuk menyertai ABO akan diberi latihan untuk menguruskan transaksi jualan atas talian. Sehingga 31 Oktober 2021, seramai 6,107 usahawan telah berdaftar di platform ABO dengan transaksi jualan berjumlah RM9.1 juta.

Ketiga, pengeluar yang mempunyai kemampuan dan lokasi pasaran yang strategik boleh memohon insentif peralatan pemasaran di bawah program Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS). Selain itu, petani juga boleh memohon untuk berniaga di Pasar Tani yang

berhampiran. Sehingga 31 Oktober 2021, terdapat 329 Gerai Buah-Buahan Segar dan 312 Pasar Tani dengan 13,181 orang usahawan di seluruh Malaysia.

Keempat, MAFI turut menyediakan bantuan program pembangunan usahawan melalui kursus dan latihan berkaitan pemasaran. Antara kursus dan seminar yang dilaksanakan termasuklah berkaitan pemasaran Digital, Kursus *Reskilling* dan *Upskilling* serta *New Breed Marketing Entrepreneur* (NBME).

Kelima, bantuan khidmat nasihat pembangunan produk. Melalui bantuan khidmat nasihat ini, kebolehpasaran produk usahawan luar bandar dapat dipertingkatkan dengan menambahbaik reka bentuk pembungkusan dan pelabelan yang menarik serta memenuhi keperluan piawaian di samping menggunakan teknologi yang mampu meningkatkan ketahanan dan keselamatan produk. Selain itu, khidmat nasihat untuk penjenamaan dan promosi juga disediakan.

Selain lima bantuan yang telah dinyatakan, MAFI juga menggalakkan petani terutamanya petani baharu untuk menyertai Program Ladang Kontrak MAFI bagi membantu mengurangkan risiko kepada mereka melalui jaminan pasaran serta harga lantai menerusi perjanjian *Forward Agreement*. Pada tahun 2021, MAFI menyasarkan 550 *Forward Agreement* dengan sasaran belian sebanyak 5,500 tan metrik dengan nilai RM11 juta yang memberi manfaat kepada 1,000 pengeluar. Sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 747 *Forward Agreement* telah ditandatangani dengan kuantiti belian sebanyak 13,425 tan metrik yang bernilai sebanyak RM17.57 juta dan telah memberi manfaat kepada 1000 orang pengeluar di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.